

Headline	Peranan GLC perkasa usahawan Bumiputera		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	28,29	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	1430 cm <sup>2</sup>
Journalist	DATUK SERI ABDUL WAHID OMAR	AdValue	RM 49,104
Frequency	Daily	PR Value	RM 147,312



# Perananan GLC perkasa usahawan Bumiputera

*Program transformasi bertumpu kepada prestasi, agenda pembangunan kebangsaan dan tadbir urus korporat*



**DATUK SERI  
ABDUL WAHID  
OMAR**

**A**lhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat berkumpul pada pagi ini pada program *Bicara BH* mengenai 'Peranan GLC Dalam Memperkasa Usahawan Bumiputera'. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan terima kasih kepada Kumpulan NSTP, terutama *Berita Harian* kerana telah sudi menjemput saya ke acara ini. Tahniah saya ucapkan kepada NSTP dan *Berita Harian*, kerana menganjurkan sebuah program yang dapat menyuburkan daya keusahawanan Bumiputera, terutama dalam kalangan usahawan baru.

Izinkan saya maklumkan kepada hadirin sekalian tentang tiga perkara berikut: Pertama, usaha kerajaan untuk membangunkan komuniti usahawan Bumiputera, selaras dengan Program Pemerksaan Bumiputera

Headline	Peranan GLC perkasa usahawan Bumiputera		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	28,29	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	1430 cm <sup>2</sup>
Journalist	DATUK SERI ABDUL WAHID OMAR	AdValue	RM 49,104
Frequency	Daily	PR Value	RM 147,312

yang diumumkan Perdana Menteri pada 14 September 2013; kedua, peranan dan pencapaian GLC dalam Agenda Bumiputera dan Model Baru Ekonomi; dan Ketiga, pencapaian GLC dalam membangunkan usahawan Bumiputera, serta pelan tindakan syarikat GLC untuk meningkatkan usaha mereka.

#### Usaha kerajaan membangunkan usahawan Bumiputera

Sebagaimana kita sedia maklum, usahawanan merupakan aktiviti ekonomi penting bagi menjana pendapatan dan kekayaan. Kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan usahawan, selaras dengan Model Baru Ekonomi. Ini adalah salah sebuah teras utama dalam Program Pemerdayaan Bumiputera, yang dilancarkan Perdana Menteri pada 14 September 2014.

Salah satu isu yang sering dihadapi usahawan Bumiputera adalah akses kepada pembiayaan. Sehubungan ini, kerajaan telah meluluskan dana berjumlah RM380 juta kepada Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) untuk membangunkan usahawan Bumiputera dalam perniagaan strategik dan berpotensi tinggi.

Majlis Ekonomi Bumiputera yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri juga telah meluluskan peruntukan RM300 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). AIM juga diberi peruntukan tambahan sebagai dana pembiayaan baru.

#### SUPERB dapat geran RM500,000

Kerajaan juga akan membina sebuah Komuniti Baru Entrepreneur Bumiputera dalam bidang baru berasaskan pengetahuan seperti teknologi maklumat, bioteknologi dan teknologi hijau melalui sebuah skim pembiayaan baru, iaitu Skim Permulaan Entrepreneur Baru Bumiputera atau ringkasnya SUPERB.

SUPERB telah dilancarkan pada bulan Januari 2014, yang mana geran sehingga RM500,000 akan diberikan kerajaan untuk menyokong idea perniagaan yang inovatif dan kreatif. Program ini akan berlangsung selama tiga tahun, yang mana empat tempoh permohonan akan diadakan setiap tahun.

Untuk suku pertama, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah menerima sebanyak 1,791 permohonan. Sebuah Jawatankuasa Pemilihan SUPERB yang dianggotai sekumpulan panel usahawan yang berjaya dalam perniagaan masing-masing telah memilih 13 pemenang yang mendapat geran kerajaan sebanyak RM6.5 juta, manakala 12 finalis mendapat RM25,000 seorang.

#### Tingkat keupayaan

#### usahawan Bumiputera

Untuk meningkatkan keupayaan usahawan Bumiputera, kerajaan juga telah meluluskan jumlah sebanyak RM500 juta kepada MARA untuk Dana Khas Pendidikan MARA, antara lain untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan.

Di samping menyediakan dana untuk membiayai projek dan perniagaan usahawan Bumiputera, kerajaan juga telah meminta badan seperti Perbadanan Nasional Bhd dan GLC tertentu untuk menyediakan ruang perniagaan di tempat yang strategik dan berpotensi tinggi.

Kerajaan sentiasa mengadakan dan melaksanakan program untuk meningkat

usahawan Bumiputera. Antara program yang sedang dilaksanakan TERAJU adalah Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS) yang mana syarikat Bumiputera boleh mendapatkan pembiayaan melalui institusi kewangan seperti MIDE, SME Bank dan RHB Islamic Bank. Institusi kewangan itu telah meluluskan RM559.0 juta kepada 157 syarikat TERAS.

TERAJU juga mengurus sebuah dana pemudahcara untuk kegunaan pelaksanaan projek sektor swasta oleh syarikat Bumiputera yang berkelayakan. Dana ini diwujudkan sebagai *tipping point* sesuatu projek, yang mana sokongan Dana Mudahcara dapat bertindak sebagai pemangkin untuk pelaburan strategik oleh syarikat Bumiputera terutama dalam sektor Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang berimpak tinggi.

Setakat ini, kerajaan telah meluluskan sebanyak RM595.6 juta kepada 108 syarikat Bumiputera di bawah program ini, dan membatikan pelaburan sebanyak RM5.4 bilion.

#### Peranan dan Pencapaian GLC

Seterusnya, izinkan saya juga memaklumkan mengenai Peranan GLC dalam Agenda Bumiputera dan Model Baru Ekonomi.

GLC utama (atau G20) di bawah pengurusan Khazanah Nasional Bhd, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Tabung Haji, Permodalan Nasional Bhd dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera kini meningkatkan lagi pembabitan dan usaha mereka dalam merealisasikan objektif seperti yang diumumkan Perdana Menteri pada Majlis Ekonomi Bumiputera.

GLC ini memainkan peranan penting dalam ekonomi negara dan Model Baru Ekonomi, yang mana mereka bertindak sebagai pemangkin dan pelengkap.

Mereka akan berusaha bersama dan mengadakan program *outsourcing* dengan PKS Bumiputera, membawa PKS Bumiputera ke pasaran luar negara, melabur bersama syarikat Bumiputera dan melepaskan anak syarikat kepada PKS Bumiputera.

Dalam merangka program pemerka-

saan Bumiputera, syarikat GLC ini berpandu kepada prinsip program transformasi GLC, iaitu bertumpukan kepada prestasi; agenda pembangunan kebangsaan yang termasuk agenda Bumiputera sebagai agenda nasional; dan tadbir urus korporat.

Usaha baru ini adalah peningkatan daripada apa yang telah dilaksanakan oleh GLC.

#### Antara pencapaian mereka adalah seperti berikut:

- Dari segi perolehan, syarikat G20 ini telah menyokong sebanyak 47,000 pembekal, yang mana 14,000 atau 30 peratus adalah pembekal Bumiputera. Dari segi jumlah, sebanyak RM105 bilion atau 47 peratus di belanjakan kepada pembekal Bumiputera.

- Dari segi program pembangunan vendor, tujuh syarikat G20 ini mempunyai program khusus, yang mana RM11 bilion kontrak telah diberi kepada vendor berkenaan antara 2004 sehingga 2013.

- Dari segi modal insan, syarikat G20 ini menyediakan pekerjaan kepada seramai 217,000 warga negara Malaysia dengan 78 peratus atau hampir 170,000 adalah Bumiputera; 59 peratus daripada pengurusan kanan adalah terdiri daripada Bumiputera, manakala 65 peratus daripada pengurusan pertengahan adalah Bumiputera.

- Syarikat G20 ini juga telah menyediakan biasiswa berjumlah RM440 juta kepada 74,000 pelajar daripada 2004 sehingga 2013.

- Selain daripada sumbangan di atas, syarikat G20 juga telah mengadakan program tanggungjawab sosial korporat yang banyak

memanfaatkan kaum Bumiputera, seperti program PINTAR (303 sekolah dan 565,000 pelajar), SEJAHTERA (6,000 keluarga) dan SLIM/GEMS (11,000 graduan dilatih, yang mana 88 peratus berjaya mendapat pekerjaan).

#### KPI GLC

Kerajaan dan GLC telah banyak menyumbang terhadap pembangunan usahawan Bumiputera. Namun, usaha GLC perlu diperkukuhkan memandangkan peranan mereka di dalam ekonomi dan sektor perniagaan.

Tujuh tumpuan utama telah digariskan untuk tindakan lanjut syarikat GLC, iaitu (1) melaksanakan atau meningkatkan program pembangunan vendor; (2) menubuhkan konsortium untuk mengatasi isu rangkaian bekalan; (3) peruntukan *carve out* untuk pembabitan Bumiputera dalam projek besar; (4) meningkatkan program GEMS dan SLIM untuk menambahkan peluang pekerjaan graduan; (5) mengukuhkan aset Bumiputera melalui rumah kediaman, premis industri dan kompleks komersial yang mampu milik; (6) memantapkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat melalui ASB2; dan (7) menetapkan sasaran perolehan untuk vendor Bumiputera.

Sehubungan itu, syarikat G20 ini akan menerima pakai Agenda Bumiputera dan melaksanakan program ini menurut prinsip

Headline	Peranan GLC perkasa usahawan Bumiputera		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	28,29	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	1430 cm <sup>2</sup>
Journalist	DATUK SERI ABDUL WAHID OMAR	AdValue	RM 49,104
Frequency	Daily	PR Value	RM 147,312

mesra pasaran, inklusif, telus, saksama dan berasaskan merit.

Agenda Bumiputera dalam syarikat G20 ini akan di institusikan pada tahap lembaga pengarah, dan setiap GLC akan menubuhkan KPI untuk Agenda Bumiputera yang akan merangkumi tujuh tumpuan utama yang telah saya jelaskan.

#### **KPI GLC berdasarkan keperluan komersial**

Harus juga saya jelaskan bahawa KPI bagi setiap GLC adalah berdasarkan keperluan komersial mereka. GLC ini juga berada di tahap kematangan berlainan, dan memerlukan sasaran dan jangkamasa yang berlainan.

Kini, semua GLC telah membentangkan cadangan mereka kepada kerajaan, dan pihak kerajaan sedang meneliti KPI yang dicadangkan untuk memastikan mereka menuruti Agenda Bumiputera seperti yang diumumkan Perdana Menteri.

KPI mereka akan merangkumi tumpuan utama seperti program pembangun vendor, penubuhan syarikat *anchor*, peruntukan *carve out* kepada syarikat Bumiputera, pembangunan modal insan, pengukuhan pemi-

likan aset bukan kewangan Bumiputera, dan perbelanjaan perolehan Bumiputera.

#### **Bagi tahun 2014, syarikat GLC telah ditetapkan sasaran-sasaran berikut:**

- Dari segi perolehan, syarikat G20 akan mengadakan peruntukan tambahan sebanyak RM2.3 bilion pada 2014. Tambahan kontrak sebanyak RM1.1 bilion akan di *carve out* oleh

syarikat G20 daripada jumlah kini iaitu RM2.5 bilion;

- Dari segi rangkaian vendor, syarikat G20 ini akan menambahkan 25 syarikat vendor Bumiputera secara keseluruhannya kepada 848 syarikat yang sedia ada;

- Lima syarikat *anchor* atau konsortium akan di tubuhkan dalam sektor pembinaan dan hartanah, lebuhraya, perkhidmatan pengurusan bangunan dan makanan Halal;

- Dari segi pembangunan modal insan Bumiputera, syarikat G20 ini akan meningkatkan jumlah biasiswa sebanyak 1,325 daripada jumlah sedia ada 20,800.

- Syarikat G20 ini juga akan menam-

bahkan 1,830 unit hartanah mampu milik kepada jumlah sedia ada sebanyak 1,260 unit. Tambahan hartanah berjumlah RM1.2 bilion akan disediakan kepada sasaran kini sebanyak RM10.1 bilion.

Pihak kerajaan akan terus melaksanakan Agenda Bumiputera dan mencapai sasaran yang di tetapkan. Saya juga berharap NGO ekonomi Bumiputera dapat bekerjasama dengan kerajaan dalam merumuskan program yang di perlukan.

Akhir kata, sekali lagi tahniah saya ucapkan kepada Kumpulan NSTP dan Berita Harian kerana menganjurkan program ini. Saya berharap agar sesi ini dapat meningkatkan kesedaran para peserta dan memaklumkan tentang usaha Kerajaan untuk memperkasakan ekonomi Bumiputera.



**Penulis ialah** Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menyampaikan ucap-tama pada forum Bicara BH

Headline	Peranan GLC perkasa usahawan Bumiputera		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	28,29	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	1430 cm <sup>2</sup>
Journalist	DATUK SERI ABDUL WAHID OMAR	AdValue	RM 49,104
Frequency	Daily	PR Value	RM 147,312

▶ **RM300J**  
peruntukan untuk AIM

▶ **RM500J**  
peruntukan diberikan  
kepada MARA untuk  
tingkat kemahiran  
usahawan Bumiputera

▶ **RM595.6J**  
peruntukan kerajaan  
untuk 108 syarikat  
Bumiputera di bawah  
TERAJU

Headline	Peranan GLC perkasa usahawan Bumiputera		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	28,29	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	1430 cm <sup>2</sup>
Journalist	DATUK SERI ABDUL WAHID OMAR	AdValue	RM 49,104
Frequency	Daily	PR Value	RM 147,312



Headline	Peranan GLC perkasa usahawan Bumiputera		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	28,29	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	1430 cm <sup>2</sup>
Journalist	DATUK SERI ABDUL WAHID OMAR	AdValue	RM 49,104
Frequency	Daily	PR Value	RM 147,312



**Seminar antara usaha TERAJU meningkatkan kemahiran usahawan Bumiputera.**

Headline	Peranan GLC perkasa usahawan Bumiputera		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	28,29	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	1430 cm <sup>2</sup>
Journalist	DATUK SERI ABDUL WAHID OMAR	AdValue	RM 49,104
Frequency	Daily	PR Value	RM 147,312



**Perasmian cawangan baharu Shugarholic Cake Republic di Menara MARA.**



**Kraf tangan hasil Sahabat AIM Kota Belud.**



**Pemenang Anugerah Pertandingan PUNB Biz Plan Challenge, pada April lalu.**